

Lanjut diskaun sewa 50 peratus penyewa, penjaja premis DBKL



JALALUDDIN (kanan) semasa menyantuni peniaga di Anjung Selera Jalan Jujur, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur semalam.

PETALING JAYA - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melanjutkan pengurangan kadar sewa sebanyak 50 peratus kepada penyewa pasar berbangunan dan pusat penjaja DBKL bagi tempoh enam bulan bermula Julai sehingga Disember ini.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, ia melibatkan 5,766 akaun dalam kategori pasar berbangunan dan pusat penjaja DBKL dengan anggaran pengurangan hasil RM3,072,447 untuk tempoh pelanjutan itu.

Menurutnya, langkah tersebut bagi mengurangkan bebanan dan menambah nilai aliran wang dalam kalangan peniaga dan penjaja kecil.

“Bermula 1 April, negara memasuki fasa peralihan ke endemik, namun masih terdapat rungutan daripada penjaja dan peniaga kecil tentang bebanan hidup terpaksa ditanggung akibat daripada impak ekonomi yang baru memasuki proses perkembangan secara berperingkat.

“Sehubungan itu, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan DBKL berharap inisiatif ini mampu membantu peniaga dan penjaja kecil untuk terus mengoptimalkan operasi perniagaan mereka, sekali gus membantu mengurangkan bebanan hidup di ibu kota,” katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, sebelum ini, pihak DBKL telah memberi ini-

siatif pengurangan kadar sewa kepada peniaga dan penjaja kecil bermula Januari sehingga Jun lalu.

Katanya, selain itu, sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020 sehingga Mac 2022, KWP melalui DBKL telah memberi pelbagai sumbangan dan inisiatif Covid-19 bagi membantu penjaja dan peniaga kecil yang terkesan di Kuala Lumpur.

“Terdapat 10 bentuk bantuan dan inisiatif telah diberikan di bawah kelolaan Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan (JPPP), DBKL yang menelan kos atau pengurangan hasil sebanyak RM31,765,067.26,” katanya.